

SIFACLOR (ORAL SUSPENSION)

Cefaclor Monohydrate (125 mg/5 ml, 250 mg/5 mL)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SIFACLOR
2. Bagaimana SIFACLOR berfungsi
3. Sebelum menggunakan SIFACLOR
4. Cara menggunakan SIFACLOR
5. Semasa menggunakan SIFACLOR
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SIFACLOR
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan SIFACLOR

Ia digunakan untuk merawat jangkitan bakteria pada telinga, saluran pernafasan, saluran kencing dan alat kelamin, kulit dan tisu lembut.

Bagaimana SIFACLOR berfungsi

SIFACLOR mengandungi bahan aktif cefaclor monohydrate yang merupakan sejenis antibiotik cephalosporin. Ia berfungsi dengan bertindak pada dinding sel bakteria dan seterusnya menghapuskan bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan SIFACLOR

- Bila tidak boleh mengambil
Jangan ambil SIFACLOR jika anda:
 - alah kepada cefaclor, kumpulan antibiotik cephalosporin, penicilin atau sebarang bahan lain yang terkandung di dalam ubat ini (disenarai dalam Maklumat Lanjut).
- Sebelum mengambil SIFACLOR
Sila beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil SIFACLOR jika anda:
 - mempunyai masalah buah pinggang.
 - sejarah penyakit gastrousus, terutamanya radang usus besar.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat. Cefaclor hanya boleh digunakan semasa

mengandung jika manfaatnya melebihi risiko kepada bayi yang belum lahir.

Cefaclor dirembeskan ke dalam susu ibu dan mungkin memberi kesan kepada bayi anda. Doktor anda akan membincangkan risiko dan faedah penyusuan susu ibu semasa anda mengambil cefaclor.

• Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ubat-ubatan yang mungkin berinteraksi dengan SIFACLOR adalah seperti berikut:

- Ubat cair darah: meningkatkan kesan cair darah
- Probenecid (ubat anti-gout)

Cara menggunakan SIFACLOR

Goncang botol untuk meleraikan serbuk, tambahkan air di bawah garisan pada label botol, tutup dan goncang dengan baik, kemudian isi air hingga ke garisan pada botol label.

• Berapa banyak harus diambil

Dewasa:

Dos biasa ialah 250mg-500mg diambil setiap 8 jam, atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Kanak-kanak:

Dos akan ditentukan oleh doktor anda berdasarkan berat badan anak anda, dalam dos yang dibahagikan untuk diambil setiap 8-12 jam.

• Bila perlu diambil

Ambil setiap 8-12 jam, atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

• Berapa lama perlu diambil

Ambil ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

• Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah

hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

• Jika mengambil secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan ketidakselesaan perut, rasa loya, cirit- birit dan muntah.

Semasa menggunakan SIFACLOR

• Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat anda mengikut arahan doktor.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan SIFACLOR.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

Ambil SIFACLOR hanya dengan preskripsi doktor.

• Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan SIFACLOR kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

• Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

Berhati-hati memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu bagaimana SIFACLOR mempengaruhi anda.

Beritahu doktor anda jika anda atau

SIFACLOR (ORAL SUSPENSION)

Cefaclor Monohydrate (125 mg/5 ml, 250 mg/5 mL)

anak anda perlu menjalani ujian gula dalam air kencing (menggunakan *Benedict's* dan *Fehling's solutions*, *Clinitest tablets*) atau ujian Coombs (ujian untuk mengesan antibodi yang meyerang sel darah merah) kerana SIFACLOR mungkin mengganggu keputusan ujian-ujian ini.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, SIFACLOR boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

SIFACLOR boleh menyebabkan alergi yang teruk dan reaksi kulit yang serius. Berhenti menggunakan SIFACLOR dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang simptom berikut:

- Ruam yang disertakan dengan demam dan keradangan atau kesakitan sendi.
- Alahan yang teruk: kesukaran bernafas, pening, bengkak pada kulit atau ruam.
- Reaksi kulit yang teruk: kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Kesan sampingan yang lain termasuk:

- cirit-birit, rasa loya, muntah, gangguan pencernaan, radang usus besar.
- masalah hati seperti keradangan, peningkatan enzim hati
- pening, mengantuk, sakit kepala.
- jangkitan atau keradangan faraj.
- Masalah pada kiraan darah
- ujian fungsi buah pinggang meningkat atau tidak normal.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan SIFACLOR

• Penyimpanan

Tutup dengan rapat dan simpan di tempat yang kering di bawah suhu 30°C. Setelah dilarutkan, suspensi ini mesti disimpan di dalam peti sejuk (2-8°C) dan digunakan dalam masa 14 hari.

Goncang dengan baik sebelum mengambil setiap dos.

• Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

• Rupa dan warna produk

Serbuk berwarna putih krim hingga sedikit kuning. Setelah dicampur air, menjadi suspensi warna merah jambu.

• Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: cefaclor monohydrate
- Bahan tidak aktif: *Strawberry powder, cherry flavour, colloidal silicon dioxide, carboxy methylcellulose sodium, anhydrous citric acid, ponceau 4R, simethicone emulsion 30%, sucrose.*

- Nombor MAL:

SIFACLOR (Oral Suspension) 125 mg: MAL20033665AZ

SIFACLOR (Oral Suspension) 250 mg: MAL20033666AZ

Pengilang:

SIAM BHEASACH CO., LTD., 123 Soi Choekhairuammitr, Vibhavadi-Rangsit Road, Chomphon, Chatuchak, Bangkok 10900 and 9 Soi Choekhairuammitr 3, Vibhavadi-Rangsit Road, Dindang, Dindang, Bangkok 10400, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

SPG PHARMA (MALAYSIA) SDN. BHD., Suite 1701, Block A, Damansara Intan e-Business Park, No. 1, Jalan SS20/27, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini

25/09/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)220923/00080